

**ANALISIS KRITIS DALAM PENSEJARAHAN ILMIAH:  
SATU PENELITIAN TERHADAP ROSLI DHOBY – MERDEKA DENGAN DARAH  
(2013)**

Nordi Achie<sup>®</sup>  
Universiti Malaysia Sabah

**ABSTRAK**

*Kertas ini bertujuan menilai semula karya mutakhir mengenai perjuangan Rosli Dhoby dan rakan-rakannya menentang penjajahan British di Sarawak, menerusi Rosli Dhoby: Merdeka Dengan Darah (Jenza Enterprise, Kuching, 2013). Penulisnya, Jeniri Amir. Buku ini mengandungi jumlah bab yang luar biasa – 28 bab, terdiri daripada 272 halaman bercetak, tidak termasuk bahagian prakata (hlm. ix-xi, tetapi nombor halaman ini tidak dicetak di bahagian prakata, hanya dicatatkan di bahagian kandungan). Bab yang paling pendek ialah tiga halaman (Bab 24 dan Bab 25), manakala bab yang paling panjang meliputi 24 halaman (Bab 11). Buku ini tidak mengandungi nota kaki (beberapa sumber rujukan dicatatkan dalam teks), dan jumlah buku yang digunakan sebagai rujukan (lihat bahagian bibliografi) 11 buah sahaja, dengan enam orang responden. (Jeniri Amir, Rosli Dhoby 2013: 71). Siapakah Jeniri Amir? Jeniri memperkenalkan dirinya sebagai “penulis prolifik, penganalisis politik dan kolumnis terkemuka tanah air”. Beliau pernah menerima: “Anugerah Penulis Prolifik Sarawak (1993), Anugerah Buku Negara (2005), Anugerah Buku Akademik Universiti Malaysia Sarawak (2008) dan Anugerah Buku Negara – Penulis Prolifik (2012)”. Jeniri menghampiri kemuncak kerjayanya dengan menghasilkan “lebih 50 buah buku dan 2000 buah artikel yang disiarkan dalam pelbagai majalah dan akhbar tanah air”. (Jeniri Amir, Rosli Dhoby 2013). Persoalannya, setakat manakah kualiti dan integriti kesarjanaannya benar-benar menunjangi penulisan Rosli Dhoby: Merdeka Dengan Darah? Buku ini dihasilkan dalam tempoh dua tahun atau tidak sampai dua tahun – hebat bukan? Memang hebat. Inilah impresi terawalnya. Namun, setelah meneliti keseluruhan buku ini, impresi kita mulai berubah kerana terdapat banyak kelemahan yang melingkarinya, seperti disentuh selanjutnya.*

**PRAREVISI**

Buku ini – *Rosli Dhoby: Merdeka Dengan Darah* (Jenza Enterprise, Kuching, 2013), mengandungi jumlah bab yang agak luar biasa – 28 bab, terdiri daripada 272 halaman bercetak, tidak termasuk bahagian prakata (hlm. ix-xi, tetapi nombor halaman ini tidak dicetak di bahagian prakata, hanya dicatatkan di bahagian kandungan). Bab yang paling pendek ialah tiga halaman (Bab 24 dan Bab 25), manakala bab yang paling panjang

---

<sup>®</sup> Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Kertas ini dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 2017), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi, Selangor, 26-27 April 2017. Karya mutakhirnya, *Kolonialisme dan Kristianisasi Melayu di Sarawak, 1850-1950*, Penerbit Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 2013. [nordi@ums.edu.my](mailto:nordi@ums.edu.my)

meliputi 24 halaman (Bab 11). Buku ini tidak mengandungi nota kaki (beberapa sumber rujukan dicatatkan dalam teks), dan jumlah buku yang digunakan sebagai rujukan (lihat bahagian bibliografi) 11 buah sahaja, dengan enam orang responden. Di bahagian bibliografi, buku R.H.W. Reece, *The Name of Brooke* butirannya tidak dicatat dengan lengkap (tanpa penerbit dan tempat terbit). Satu lagi bahan bacaan (mungkin buku) – tanpa pengarang, tajuk buku dan tahun terbit, hanya dicatatkan “Kuching: Sarawak Literary Society”.<sup>1</sup>

Siapakah Dr. Jeniri Amir? Jeniri memperkenalkan dirinya sebagai “penulis prolifik, penganalisis politik dan kolumnis terkemuka tanah air”. Ketokohan Jeniri dalam bidang penulisan memang tersohor. Beliau pernah menerima: “Anugerah Penulis Prolifik Sarawak (1993), Anugerah Buku Negara (2005), Anugerah Buku Akademik Universiti Malaysia Sarawak (2008) dan Anugerah Buku Negara – Penulis Prolifik (2012)”. Jeniri menghampiri kemuncak kerjayanya dengan menghasilkan “lebih 50 buah buku dan 2000 buah artikel yang disiarkan dalam pelbagai majalah dan akhbar tanah air”.<sup>2</sup> Persoalannya, setakat manakah kuantiti buku, makalah dan anugerah, mencerminkan kualiti kesarjaan?

Dalam rangka kerjanya menyiapkan buku ini, Jeniri berangkat ke London pada Jun 2011. Pada April-Mei 2012, dia sempat menemu bual beberapa responden di Sibul dan Jeddah. Kemudian, bahagian prakata buku ini ditulis pada 1 Ogos 2012<sup>3</sup> dan akhirnya diterbitkan pada 2013. Maknanya, buku ini dihasilkan dalam tempoh dua tahun atau tidak sampai dua tahun – hebat bukan? Memang hebat. Inilah impresi terawal apabila kita menerima senaskhah buku bertajuk, *Rosli Dhoby: Merdeka Dengan Darah*, kiriman Bohassan Ainnie (di Sibul, bertarikh 15 Ogos 2014). Setelah membaca buku ini, impresi terawal kita mulai berubah kerana terdapat banyak kelemahan yang melingkarinya.

Sepanjang membaca karyanya, inilah ikrar Jeniri yang menjadi pegangan kita: “Buku ini merupakan **usaha serius** untuk membongkar kisah sebenar di sebalik peristiwa berkenaan, terutama[nya] konspirasi yang dicituskan oleh Kumpulan Rukun Tiga Belas di Journey’s End Road, Sibul pada 20 Ogos 1948.<sup>4</sup> Buku ini ditulis berdasarkan pelbagai dokumen di London dan Singapura.<sup>5</sup> Jeniri juga mengatakan dia merupakan “penuntut sejarah”<sup>6</sup> – mungkin, Jeniri pernah mengambil kursus sejarah semasa menuntut di UKM. Menurut Jeniri lagi, dengan nada penuh semangat: “Pada bulan Jun 2011, saya telah terbang ke London ... saya berhasrat menyelongkar fail berkaitan dengan episod pembunuhan gabenor Duncan Stewart ... Saya **melapah dokumen** berkenaan perenggan demi perenggan dan helai demi helai”.<sup>7</sup>

Apakah genre buku ini, karya ilmiah atau novel sejarah? Jeniri tidak menentukannya secara jelas. Tidak mungkin buku ini mengambil dua rupa bentuk iaitu sebagai karya

---

<sup>1</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby: Merdeka Dengan Darah*, Jenza Enterprise, Kuching, 2013, hlm. 271.

<sup>2</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, lihat bahagian kulit luar belakang.

<sup>3</sup> *Ibid.*, lihat Prakata dan Bab 1.

<sup>4</sup> *Ibid.*, hlm. ix (tanpa cetakan nombor halaman – berpandu kepada maklumat bahagian “Kandungan”).

<sup>5</sup> *Ibid.*, hlm. ix (tanpa cetakan nombor halaman – berpandu kepada maklumat bahagian “Kandungan”).

<sup>6</sup> *Ibid.*, hlm. 245.

<sup>7</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 2-5.

ilmiah dan novel sejarah. Yang hidup tidak akan mati sekali gus. Apabila diperhalusi, buku ini mempunyai banyak kekurangan dari segi penulisan ilmiah; buku ini pun tidak semestinya memenuhi ciri-ciri novel sejarah, atau hanya menyerupai atau sekadar memiripi novel sejarah. Buku ini tidak mempunyai identiti, tidak berbaloi dengan “usaha serius” Jeniri sendiri. Jika buku ini dianggap sebagai karya popular (tidaklah sampai menjadi picisan), kepergian Jeniri ke London dan Singapura tidaklah berbaloi – walaupun bukan pembaziran masa, tenaga dan wang. Untuk menulis karya popular, sekadar duduk-duduk di kedai kopi pun sudah memadai.

Oleh sebab buku ini tidak bernota kaki (meskipun dinyatakan beberapa sumber rujukan dalam teks) dan sumber-sumber kolonial tidak dinyatakan di bahagian bibliografi – sekadar disebutkan fail, prosiding mahkamah, minit mesyuarat dan sebagainya – sukar untuk kita menilai seluruh isi kandungan buku ini secara rinci. Kita juga tidak dapat membuat semak silang terhadap fakta, butiran dan idea yang terkandung dalam bukunya. Misalnya, jika kami menggunakan sumber yang sama, masih ada kemungkinan sumber yang digunakan Jeniri lebih lengkap, atau sebaliknya. Keadaan ini tidak memungkinkan kita untuk membuat penilaian terperinci. Di sinilah terletak batasan dalam revisi korektif ini. Kita melakukan amanah ilmiah ini secara sederhana sahaja, dengan membahagikan koreksi berdasarkan aspek-aspek tertentu, seperti dikupas selanjutnya.

## I SUMBER RUJUKAN

Mengenai latar belakang Anthony Brooke,<sup>8</sup> Jeniri tidak menyatakan sumbernya seolah-olah Jeniri merupakan orang pertama yang menulis tentang Anthony. Inilah akibatnya apabila Jeniri mengabaikan nota kaki, walhal dia sangat menyedari kepentingan nota kaki, khasnya untuk melindungi dirinya daripada pertuduhan plagiat. Pada sesetengah tempat, Jeniri menyatakan sumbernya secara umum, seperti *Yesterday: A Better Tomorrow* (karya Safri A. Zaidell), namun tidak pula dinyatakan halamannya.<sup>9</sup> Ini menyukarkan mana-mana pengkaji untuk mengesahkan kesahihan data tersebut. Begitu juga dengan petikan kata-kata Abang Ikhwan, tidak dinyatakan sumbernya.<sup>10</sup> Surat Datu Patinggi Abang Abdillah kepada Raja Muda pada 26 Julai 1946 – tidak dinyatakan sumber.<sup>11</sup> Petikan perutusan Vyner Brooke<sup>12</sup> – tidak disertakan sumber. Jika Jeniri mencatatkan sumber rujukannya dengan jelas (tidak semestinya terperinci), kewibawaan buku ini dapat diserlahkan, dan barulah kesahihan datanya layak dipertanggungjawabkan. Di samping itu, semua petikan kata-kata hikmah dalam bukunya, tidak dinyatakan sumbernya seolah-olah Jeniri mendengar sendiri daripada mulut tokoh-tokoh berkenaan (nota: banyak lagi contoh lain, tetapi tidak perlu diperpanjangkan di sini).

## II KESILAPAN

Selanjutnya, dikatakan: “Tiga orang pemimpin peribumi Sarawak yang kuat menentang penyerahan dalam ucapan mereka ialah Philip Jitam, Datu Patinggi Ali dan Abang Mustapha”.<sup>13</sup> Datu Patinggi Ali telah pun mati<sup>14</sup> lebih 100 tahun sebelum Sarawak dijajah

---

<sup>8</sup> *Ibid.*, hlm. 6-12.

<sup>9</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 26.

<sup>10</sup> *Ibid.*, hlm. 19.

<sup>11</sup> *Ibid.*, hlm. 27-28.

<sup>12</sup> *Ibid.*, hlm. 30.

<sup>13</sup> *Ibid.*, hlm. 19.

oleh kerajaan kolonial British (1 Julai 1946). Kita percaya Jeniri mengetahui perbezaan antara Datu Patinggi Ali dengan Datu Patinggi Abang Abdillah, namun akibat kecuaiannya (menulis dan menyunting manuskrip) atau terburu-buru hendak menerbitkan buku ini, Jeniri terlakukan kesilapan mencolok dan menggelikan hati pula.

Jeniri menulis, “Ketika Malcom MacDonald, Suruhanjaya British melawat Kuching”<sup>15</sup> – MacDonald merupakan Pesuruhjaya Tinggi British bagi Asia Tenggara. Jawatan bernama “Suruhanjaya British” tidak pernah didengar (di Tanah Melayu dan Borneo), serta tidak pernah disandang oleh MacDonald. Pada halaman-halaman tertentu, Jeniri menulis “Pesuruhjaya Agung MacDonald”<sup>16</sup> dan “Pesuruhjaya Tinggi”.<sup>17</sup> Jeniri terdedah kepada banyak kekeliruan kerana dia tidak mempunyai pengetahuan yang tepat mengenai nama jawatan termaklum. Malah, Jeniri menggunakan ejaan ganjil untuk gelaran Datu Patinggi (ejaan Datu’ masih dapat diterima], dengan mengejanya sebagai “Datuk Patinggi”.<sup>18</sup> Meskipun kesilapan ini kecil, namun harus diingat bahawa fakta sejarah mementingkan ketepatan.

Menurut Jeniri, “Seramai 338 orang telah berbuat demikian [meletak jawatan dalam perkhidmatan awam kolonial British]”<sup>19</sup> – jumlah sebenarnya ialah 409 orang.<sup>20</sup> Data ini tercatat dalam buku (misalnya) Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*. Buku ini juga disenaraikan Jeniri sebagai buku rujukannya. Jika Jeniri menelaah buku *Perjuangan Anti-Cession Sarawak* berulang kali, dia tidak mungkin terlepas pandang terhadap maklumat di atas.

Tulisnya lagi, “Ekoran kematian Datu Patinggi Abang Abdillah, muncul dua buah persatuan lain iaitu Pergerakan Pemuda Melayu [di Sibul] dan Barisan Pemuda Sarawak [di Kuching]”.<sup>21</sup> Penubuhan PPM di Sibul tidak ada kaitan dengan kematian Datu Patinggi Abang Abdillah kerana PPM ialah persatuan berautonomi sendiri, bukannya serpihan atau cabang PKMS. Oleh itu, tidaklah benar apabila Jeniri memulakan perenggan pertama Bab 6 dengan mendakwa PPM merupakan “serpihan daripada Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak”<sup>22</sup>

Jeniri turut mendakwa, “Angka 13 bagi sesetengah orang merupakan angka sial”.<sup>23</sup> Apakah sumber rujukan Jeniri, atau ini hanyalah dugaan Jeniri belaka, atau angka ini dianggap sial kerana berkaitan dengan Rukun 13? Berdasarkan astrologi Melayu di Sarawak, tidak ada kesialan bersabit angka 13. Setakat pengetahuan kita, angka 3 merupakan simbol angkatan

---

<sup>14</sup> Beliau mati dalam pertempuran dengan Iban di Sekrang, 19 Ogos 1844. Muhammad Rakawi Yusuf, *Hikayat Sarawak* (ditransliterasi oleh Nordi Achie), Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006, hlm. 120.

<sup>15</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 33.

<sup>16</sup> *Ibid.*, hlm. 116.

<sup>17</sup> *Ibid.*, hlm. 122.

<sup>18</sup> *Ibid.*, hlm. 17.

<sup>19</sup> *Ibid.*, hlm. 34.

<sup>20</sup> Nordi Achie, *Akhbar Melayu Perjuangan di Sarawak*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003, hlm. 36.

<sup>21</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 35.

<sup>22</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 36.

<sup>23</sup> *Ibid.*, hlm. 39.

hulubang, tetapi aspek ini tidak diperhalusi Jeniri. Menurut kepercayaan Melayu tempatan, semua urusan yang dilaksanakan pada tarikh 3, 13 atau 23 (setiap bulan) dianggap sebagai berurusan dengan hulubang. Tafsirannya, urusan tersebut akan menghadapi laluan, tentangan atau cabaran sukar, bertepatan dengan angkatan hulubalang. Pengakhirannya bercabang dua: (1) jika urusan itu berjaya, ini dinamakan tuah, tetapi jika gagal, ini dinamakan nahas. Berdasarkan tafsiran ini, jelas bahawa angka 3 (13 dan 23) paling keras pun hanya merujuk kepada nahas, namun tidaklah sampai ke tahap sial.<sup>24</sup>

Jeniri mengatakan, “Mereka [Rukun 13] menunggu ketika dan keadaan yang sesuai untuk bertindak nekad sehingga berita angin tersebar dengan meluas ketika Duncan Stewart diisytiharkan sebagai Gabenor di Kuching pada 16 November 1949. Dikatakan bahawa keganasan akan tercetus di Kuching dan Sibul”.<sup>25</sup> Pernyataan ini tidak berasas kerana dua hujah.

- Pertama, rahsia Rukun 13 tidak terbocor dan tidak tersebar di mana-mana pun (melainkan dalam kalangan Rukun 13, Rosli dan beberapa rakannya dalam Kaum Pemuda PPM). Jika benar rahsia ini sudah tersebar (biarpun sekadar khabar angin sahaja), pihak polis akan bertindak dengan pantas.
- Kedua, rahsia pakatan membunuh Stewart (merujuk kepada pakatan berempat iaitu Awang Rambli-Bujang-Rosli-Morshidi) juga tidak pernah terbocor. Rahsia-rahsia ini hanya terbongkar setelah Rosli dan Rukun 13 disiasat polis dan dibicarakan di mahkamah (nota: memandangkan Bujang Suntong telah menarik diri daripada pakatan berempat, pakatan bertiga – Awang Rambli, Rosli dan Morshidi – masih munasabah digunakan).

Jeniri mendakwa, “Sepasang merpati itu [Rosli dan Ani] sering bertemu memadu asmara di rumah Abang Rapae”.<sup>26</sup> Dakwaan ini sukar dibuktikan. Ketika kita menemu bual Ani,<sup>27</sup> dia mengakui mereka pernah berutus surat dan berpandangan dari jauh sahaja, dan justeru kerana itu, tidaklah sampai ke tahap “sering bertemu memadu asmara”. Adakah ini merupakan tambahan memandai-mandai Jeniri belaka? Kita tidak pasti kerana Jeniri tidak menyatakan sumber rujukannya. Yang pasti, Jeniri tidak pernah menemu bual Ani. Menurut Jeniri lagi, “Dia [Rosli] turut membaca buku-buku mengenai perjuangan Sukarno dan rakyat Indonesia”.<sup>28</sup> Tidak ada bukti mengenainya. Jeniri harus berpada-pada dalam penulisannya, dan lebih tepat jika Jeniri menulis dengan menggunakan frasa (dengan izin): “*Dipercayai Rosli turut ...*”.

---

<sup>24</sup> Temu bual dengan Achie Hassim pada 18 Julai 2015, di Kampung Muara Tebas (Kuching). Beliau menerima keterangan ini dari ayahnya, Hassim Jenal. Semasa hayatnya, Tok Hassim dikenali sebagai pengamal ilmu batin – dipercayai mempunyai hubungan persahabatan dengan jin laut dan jin darat – serta pengamal ilmu persilatan. Ramai generasi tua di Kampung Muara Tebas pernah menuntut ilmu perubatan (tradisional) dan persilatan dari Tok Hassim. Penulis (Nordi) pernah menyalin beberapa mantera daripada Tok Hassim, tetapi penulis tidak pernah mengamalkannya. Naskhah mantera ini masih disimpan oleh penulis.

<sup>25</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 40.

<sup>26</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 59.

<sup>27</sup> Temu bual ini bertarikh 15 Ogos 2009.

<sup>28</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 61.

Mengenai ASAS, Jeniri menulisnya, “Angkatan Semangat Anak Sarawak”. Yang sebenarnya, Angkatan Semangat *Anaknegeri* Sarawak atau Angkatan Semangat Anak Negeri Sarawak. Bagaimanapun, Jeniri menulisnya dengan tepat – “Angkatan Semangat Anak Negeri Sarawak” pada bab berikutnya.<sup>29</sup> Ini menyebabkan penggemar sejarah yang tidak biasa dengan topik ini akan tertanya-tanya: Yang mana satukah betul? Meskipun kesilapan kecil namun ini menunjukkan Jeniri kurang mengarifi kajian-kajian mutakhir mengenai sejarah perjuangan antipenyerahan. Dengan merujuk kepada sebelas buku sahaja, tidaklah memadai untuk menutup kelemahan bukunya. Paling tidak, Jeniri menggunakan 50-100 rujukan merangkumi buku dan makalah ilmiah.

Jeniri menulis, “Rukun Tiga Belas, di bawah naungan Pertubuhan Pemuda Melayu (PPM)”.<sup>30</sup> Ini merupakan satu lagi kesilapan Jeniri.

- Pertama, PPM tidak pernah mengadakan mesyuarat khas untuk menubuhkan atau mengesahkan pengasasan Rukun 13. Rukun 13 ialah pertubuhan sulit (rahsia), dan penubuhannya hanya diketahui oleh segelintir ahli PPM. Jika dikatakan Rukun 13 dinaungi Awang Rambli, pernyataan ini munasabah.
- Kedua, jika Jeniri berhati-hati, dia akan dapat mengesani kesilapan nama PPM lantaran ditulis sebagai “Pertubuhan Pemuda Melayu” – setepatnya, “Pergerakan Pemuda Melayu”.
- Ketiga, Jeniri tidak konsisten sehingga menyebabkan munculnya dua nama lain bagi PPM. Di sinilah terletak umbi kekeliruan. Di halaman tertentu, PPM ditulis “Pertubuhan Pemuda Melayu”<sup>31</sup> manakala di halaman berikutnya, ditulis “Persatuan Pemuda Melayu”.<sup>32</sup> Bagi sesetengah pembaca, perbezaan sedemikian menyebabkan mereka kebingungan.

Berhubung ahli Rukun 13, Jeniri mengatakan, “Antara ahli Rukun Tiga Belas ialah Mat Rimau, Amin Jenal, Jack Usop dan Datuk Wan Abu Bakar”.<sup>33</sup> Jika Wan Abu Bakar membaca pernyataan ini, matanya mungkin terbeliak. Betapa tidak, “Datuk Wan Abu Bakar” bukanlah ahli Rukun 13. Beliau merupakan anggota Kaum Pemuda PPM, dan rakan seperjuangan Rosli. Kecuaian ini tidaklah harus diremehkan kerana sejarah mementingkan kebenaran faktual sekalipun kecil butirannya.

### III KONTRADIKSI

Menurut Jeniri, “Abang Han, Ketua Bahagian Pemuda PPM”.<sup>34</sup> Kita tidak mengetahui sumber rujukan Jeniri. Setakat pengetahuan kita, sejak PPM ditubuhkan, jawatan Ketua Pemuda dipegang oleh Cikgu Seman.<sup>35</sup> Jawatan Abang Han ialah sebagai Ketua Pustakawan PPM. Mustahil Abang Han dilantik sebagai Ketua Pemuda PPM kerana Abang Han menghadapi masalah gagap.<sup>36</sup> Pada halaman berikutnya, Jeniri menyedari

---

<sup>29</sup> *Ibid.*, hlm. 130 dan 157.

<sup>30</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 264.

<sup>31</sup> *Ibid.*, hlm. 82.

<sup>32</sup> *Ibid.*, hlm. 130.

<sup>33</sup> *Ibid.*, hlm. 252.

<sup>34</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 38.

<sup>35</sup> Nama sebenarnya, Abang Othman Abang Teh – temu bual pada 12 Ogos 2009.

<sup>36</sup> Temu bual dengan Yusof Merais, bertarih 17 Ogos 2009.

“Abang Han dilantik menjadi pustakawan untuk menjaga buku-buku kelab”.<sup>37</sup> Ini merupakan dua pernyataan kontradiktif, namun Jeniri tidak mewaspadainya. Jeniri menulis, “Dia [Rosli] juga dididik sejak kecil supaya mencintai agama dan mengamalkan agama Islam dalam kehidupannya.”<sup>38</sup> Namun, Jeniri juga mengakui Rosli suka “menyabung ayam”.<sup>39</sup> Kita tersentak dengan pernyataan ini kerana orang yang taat beragama mustahil suka “menyabung ayam”. Tambahan pula, Rosli merupakan guru di Sekolah Rakyat. Rosli harus menjadi teladan kepada anak didiknya. Jika Jeniri menggunakan logik pemikirannya, dia mampu mengelakkan kontradiksi luwes seperti ini.

#### IV KEKABURAN

Jeniri membuka tirai bukunya dengan pernyataan kabur, “Rosli dan rakan-rakan dihukum gantung sampai mati di Penjara Kuching pada bulan Mac 1950”.<sup>40</sup> Puncaknya ialah Jeniri membuat data tergantung iaitu “bulan Mac 1950”, sedangkan pembaca percaya mereka digantung pada tarikh tertentu. Dengan mengemukakan data tergantung, sebahagian pembaca akan bertanya-tanya tarikh sebenarnya. Jika Jeniri sengaja membuat data tergantung dengan harapan agar pembaca terus mencari tarikh tersebut dengan membaca bukunya, ini merupakan hak Jeniri; namun Jeniri juga harus sedar data tergantung ini (dari satu segi) menyusahkan pembaca. Jika Jeniri menulis data tepat (dengan izin) – “Rosli dan Morshidi digantung pada 2 Mac 1950, manakala Awang Rambli dan Bujang Suntong digantung pada 23 Mac 1950”, sedari awal-awal lagi Jeniri akan dapat merangkul kepercayaan pembaca seraya memberikan keyakinan ilmiah kepada mereka.

Jeniri menulis, “Ketika itu Anthony dipantau oleh M15”.<sup>41</sup> Siapakah “M15”? Tidak ada penjelasan daripada Jeniri. Kemudian, “Rakyat Sarawak menemui beliau [Anthony Brooke] di Singapura – siapakah “rakyat” Sarawak itu? Jika Jeniri memberikan butiran tertentu, tindakan ini lebih membantu kejelasan pembaca.

Jeniri menulis, “Enam orang Ahli Council Negeri, Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah dan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak menentang penyerahan”.<sup>42</sup> PKMS bukanlah satu-satunya persatuan yang menentang penjajahan Sarawak. Persoalannya, apakah kepentingan meletakkan “Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak” dalam ayat di atas kerana Majlis Negeri tidak ada perkaitan pun dengan PKMS?

Jeniri meneruskan, “Hasrat Rosli dan rakan-rakannya adalah untuk mengambil tindakan radikal dengan membunuh mereka yang dipercayai menjadi dalang [penjajahan]. Awang Rambli menjadi orang penting yang membantu Rosli merealisasikan impian kumpulan berkenaan”.<sup>43</sup> Siapakah “rakan-rakan” dan “kumpulan berkenaan”? Tidak jelas. Mustahil Rukun 13 kerana Rosli bukan ahli Rukun 13. Jika merujuk kepada Kaum Pemuda PPM, Jeniri harus menjelaskannya (nota: Kaum Pemuda PPM tidak pernah disebut oleh Jeniri). Selanjutnya dikatakan, “Ketika mesyuarat untuk membunuh Duncan Stewart dilangsungkan, Rosli dibebankan dengan amanah dan tanggungjawab berat [untuk

---

<sup>37</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 45.

<sup>38</sup> *Ibid.*, hlm. 53.

<sup>39</sup> *Ibid.*, hlm. 53.

<sup>40</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. ix (nombor halaman ini tidak dicetak).

<sup>41</sup> *Ibid.*, hlm. 10.

<sup>42</sup> *Ibid.*, hlm. 17.

<sup>43</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 61.

membunuh Duncan Stewart] ...”.<sup>44</sup> Timbul persoalan, “mesyuarat” apakah ini? Sekali lagi mustahil Rukun 13.

## V PENYIMPANGAN

Mengenai tajuk Bab 3, Jeniri menulis, “Anti-Cession: Masyarakat Melayu Berbalah”<sup>45</sup> (hlm. 15), namun setelah kita membacanya, ternyata isi kandungan bab ini tidak menyerlahkan perbalahan “Masyarakat Melayu” secara menyeluruh,<sup>46</sup> sekadar dikisahkan adanya pihak penyokong dan penentang usul penyerahan Sarawak dalam Majlis Negeri. Dengan ini, pihak yang berbalah tidaklah sampai ke tahap “masyarakat” tetapi sekadar tokoh “Melayu”. Kemudian, sedikit gambaran mengenai perbalahan tersebut turut disentuh menerusi Bab 4: Sarawak Jajahan Kolonial British.<sup>47</sup> Lain tajuk bab, lain pula fokusnya.

Tajuk Bab 9 ialah “Konspirasi di Journey’s End”,<sup>48</sup> tetapi isi kandungan bab ini tidak ada kaitan dengan tajuk bab. Perhatikan dua aspek ini.

- Pertama, konspirasi di Journey’s End hanya membabitkan Rukun 13 sahaja, tetapi isi kandungan bab ini menceritakan tentang konspirasi pakatan berempat untuk membunuh Stewart, berlaku antara September-November-Disember 1949.
- Kedua, konspirasi pakatan berempat tidak ada kaitan dengan Rukun 13 kerana Rukun 13 tidak pernah bertemu semula sejak bersurai di Journey’s End.

Menerusi Bab 11: Pagi Berdarah di Sibu, terdapat satu subtopik bertajuk, “Siasatan Siang Malam”.<sup>49</sup> Kita sangat tertarik dengan subtopik ini kerana kita menduga Jeniri telah melahap fail-fail siasatan polis kolonial, namun setelah menelitinya, kita benar-benar hampa. Aspek ini hanya disentuh Jeniri secara umum sahaja – itu pun tidak sampai satu halaman penuh, manakala halaman-halaman berikutnya tidak ada kaitan dengan “Siasatan Siang Malam”. Dari halaman 111-113, Jeniri memenuhi ruangan ini dengan memungut maklumat (berita, ulasan dan reaksi) akhbar luar negeri. Selanjutnya, menyusul pula subtopik “Disesatkan Dakyah”.<sup>50</sup> Setelah menelusurinya, hanya satu perenggan yang menyengol aspek ini. Empat perenggan berikutnya tidak ada kaitan dengan tajuk “Disesatkan Dakyah”. Kedua-dua subtopik ini memerlukan pemurnian –rombakan susunan.

Menerusi subtajuk “Pak Sumarja Beri Semangat” (Bab 21: Meringkuk di Penjara Kuching),<sup>51</sup> huraian mengenainya hanyalah satu halaman sahaja. Yang selebihnya (12 perenggan), tidak ada kaitan dengan subtopik – hampir kesemuanya menggambarkan tentang kehidupan (keadaan dan kemudahan) di Penjara Kuching. Lebih baik Jeniri membuat satu lagi subtopik (dengan izin) bertajuk, “Kehidupan di Penjara”.

---

<sup>44</sup> *Ibid.*, hlm. 61.

<sup>45</sup> *Ibid.*, hlm. 15.

<sup>46</sup> Untuk melihat gambaran mengenainya, lihat Nordi Achie, “Perpecahan Masyarakat Melayu di Sarawak dalam Konteks Isu Penyerahan 1946-1950”, *Purba*, Bil. 21-2002, hlm. 46-73.

<sup>47</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 25.

<sup>48</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 70.

<sup>49</sup> *Ibid.*, hlm. 110-114.

<sup>50</sup> *Ibid.*, hlm. 114.

<sup>51</sup> *Ibid.*, hlm. 221.



## VI – KECELARUAN

Seterusnya, Arden Clarke dikatakan telah menerima surat bantahan daripada “Datu Patinggi Abang Haji Abdillah dan Abang Ikhwan Zaini, Presiden PKMS”.<sup>52</sup> Bagi pembaca budiman yang kurang mahir dengan sejarah Sarawak, mereka tertanya-tanya: siapakah sebenarnya Presiden PKMS? Abang Abdillah atau Abang Ikhwan. Cara pengolahan Jeniri agak bercelaru dan mengelirukan.

Jeniri mencatatkan, “Pada 26 November, sekitar pukul 5.00 petang, hari Ahad, Rosli berkunjung ke rumah Morshidi”.<sup>53</sup> Tarikh setepatnya ialah 28 November kerana pada 27 November, Awang Rambli telah mencadangkan kepada Rosli agar Rosli menemui Morshidi, atau Komos [sic] dan Pak Bujang sama ada “petang ini” – 27 November atau “esok” – 28 November. Awang Rambli menemui Rosli di Sekolah Rakyat pada 27 November, dan mustahil Rosli menemui Morshidi pada 26 November – kecuaililah dalam mimpi. Selepas pertemuan dengan Morshidi pada 28 November, mereka mengadakan pertemuan di Sekolah Rakyat pada 1 Disember. Urutan ini barulah tepat.

Susunan dua bab berikut tidak kronologikal. Bab 10 (Biar Pecah di Perut) harus dijadikan Bab 9 kerana Bab 10 merupakan sebahagian daripada plot dalam Bab 9. Pada akhir Bab 9 dinyatakan tragedi pembunuhan Duncan Stewart, namun Bab 10 masih lagi berlegar-legar di sekitar plot pembunuhan. Pembaca bukanlah suspen, tetapi keliru dan bingung. Narasi bab-bab ini tidak lancar.

Di samping itu, kisah tentang penggeledahan pejabat pertubuhan-pertubuhan antipenyerahan dan rumah beberapa tokoh antipenyerahan Sarawak di Kuching pada 7 Disember 1949,<sup>54</sup> tidak ada kaitan dengan tajuk bab ini (Bab 15: Gabenor Disemadikan di Kubur Bidadari). Nyatalah, butiran ini tidak disusun dengan kemas, celahan dan celokan yang mengganggu kelancaran bab.

## VII SPEKULASI, REKAAN IMAGINATIF, PENGULANGAN

Dikatakan, “Rosli merodok keris yang disepuh racun ke arah perut Gabenor”.<sup>55</sup> Ini masih merupakan spekulasi atau separa benar, malah mungkin sampai ke darjat menjadi kepercayaan umum. Hakikatnya, perkara ini tidak dinyatakan dengan jelas menerusi laporan perubatan Dr Edwin Herbert Wallace dan Profesor Mekei ketika merawat Stewart. Yang lebih murni, seharusnya ditulis (dengan izin), “Rosli *dipercayai* merodok ...”.

Bagaimanapun, tidaklah mustahil racun telah disapu pada badek tersebut kerana Rosli memang nekad untuk membunuh Stewart, namun kita belum menemui bukti sahih mengenainya. Menurut laporan Dr Wallace, “luka di bahagian dalam [perut] disifatkan beliau sebagai serius. Terdapat 15 lubang luka di usus kecil dan daripada jumlah ini 12 adalah melalui usus berkenaan”.<sup>56</sup> Mungkinkah kesan-kesan ini menunjukkan penggunaan racun?

---

<sup>52</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 9.

<sup>53</sup> *Ibid.*, hlm. 77.

<sup>54</sup> *Ibid.*, hlm. 157.

<sup>55</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 86.

<sup>56</sup> *Ibid.*, hlm. 102.

Seterusnya Jeniri berkisah, “MacDonald tahu bahawa Duncan Stewart sedang dalam kesakitan [“sedang bertarung nyawa” sejak di Hospital Lau King Howe<sup>57</sup>], tetapi beliau hairan bagaimana Stewart masih lagi dapat bergurau senda [ketika diusung keluar dari pesawat Royal Air Force, di Seletar (Singapura)]. Duncan Stewart kelihatan tenang dan masih lagi ceria. MacDonald memberi kata-kata galakan dan harapan kepada beliau. Duncan Stewart membalas dengan sengih, “Kamu tahu, dalam beberapa hal, perkara ini sangat melucukan. Saya harus memberitahu kamu tentangnya apabila kita bertemu lain kali”, kata Stewart dari atas usungan”.<sup>58</sup> Persoalannya, adakah perbualan ini benar-benar tercatat dalam sumber sejarah, atau rekaan imaginatif Jeniri semata-mata, atau Jeniri terpengaruh dengan filem penyiasatan Hollywood?

Bab 19: Dalam Lipatan Sejarah<sup>59</sup> mengandungi banyak ulangan – dalam bentuk dialog mahupun ayat pernyataan (hasil pengolahan semula dialog) – yakni, setelah kita menelusuri secara komparatif bab-bab bukunya. Adakah Jeniri sudah kehabisan modal? Pengulangan ini bukanlah daya tarikan, tetapi mendatangkan rasa hambar dalam pembacaan.

### VIII KRITIKAN SUMBER

Jeniri menyatakan, “Terdapat bukti bahawa pihak yang terlibat dalam pembunuhan itu [Duncan Stewart] mempunyai hasrat untuk membantu negara jiran Indonesia untuk menguasai Sarawak”.<sup>60</sup> Jika petikan ini merujuk kepada surat antara Johari Anang kepada Awang Rambli, sebenarnya surat tersebut tidak mewakili pendirian Awang Rambli, Rosli, Morshidi dan Bujang Suntong. Jeniri tidak bersikap kritis terhadap sumber rujukannya, malah dia juga tidak mempersoalkan benarkah Awang Rambli dan rakan-rakannya “mempunyai hasrat untuk membantu negara jiran Indonesia untuk menguasai Sarawak”? Ini merupakan pertuduhan yang sangat berat terhadap mereka berempat kendatipun bukan Jeniri yang membuat pertuduhan tersebut.

Jeniri menulis (berdasarkan minit mesyuarat Majlis Tertinggi, bertarikh 6 Disember 1949), “Terdapat bukti wujudnya perayaan di bangunan persatuan berkenaan [di Matu] pada hari kematian Gabenor”.<sup>61</sup> Sekali lagi, Jeniri tidak bersikap kritis terhadap sumbernya. Setelah berlakunya pembunuhan Stewart, tidak mustahil ada pihak yang gembira dalam diam, tetapi tidaklah sampai ke tahap mengadakan perayaan secara terbuka sempena “kematian Gabenor”. Pada tarikh 6 Disember, Stewart masih lagi berhayat. Justeru, pernyataan tersebut harus ditulis, “hari penikaman” Gabenor, bukannya “hari kematian” Gabenor. Stewart meninggal dunia pada 10 Disember.

Berdasarkan nota (telegram) Dawson ke London (Pejabat Kolonial bertarikh 24 Januari 1950), Jeniri menulis, “Bukti telah diperoleh bahawa terdapat kegembiraan dalam kalangan ahlinya ... pada hari Gabenor diumumkan meninggal dunia”.<sup>62</sup> Apabila dibandingkan, pernyataan di halaman ini dan pernyataan di halaman sebelumnya<sup>63</sup> saling

---

<sup>57</sup> *Ibid.*, hlm. 115.

<sup>58</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 116.

<sup>59</sup> *Ibid.*, hlm. 187-197.

<sup>60</sup> *Ibid.*, hlm. 11.

<sup>61</sup> *Ibid.*, hlm. 130.

<sup>62</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 136.

<sup>63</sup> *Ibid.*, hlm. 130.

bercanggahan. Percanggahan ini tidak disedari Jeniri. Secara logik, pernyataan di halaman 136 jelas kebenarannya kerana nota ini dihantar selepas kematian Stewart.

Jeniri melanjutkan (berdasarkan minit mesyuarat Majlis Tertinggi, 6 Disember 1949), “Terdapat 52 pertubuhan sedemikian di Sarawak dan sebuah lagi di Singapura”.<sup>64</sup> Jumlah 52 pertubuhan ini merujuk kepada apa, tidak jelas? Jika merujuk kepada seluruh cawangan semua pertubuhan antipenyerahan di Sarawak, mungkin inilah angkanya. Jika merujuk kepada badan induk sahaja, kesemuanya berjumlah 16 pertubuhan.<sup>65</sup> Di Singapura, terdapat 2 buah pertubuhan antipenyerahan.<sup>66</sup> Kita terpinga-pinga dengan jumlah yang sangat banyak ini – 56 pertubuhan antipenyerahan, manakala Jeniri tidak pula memberikan apa-apa penjelasan mengenainya.

Berdasarkan nota C.W. Dawson (Ketua Setiausaha) ke London (7 Disember 1949), Jeniri menukilkkan: “Mereka mendedahkan bahawa kumpulan 13 orang itu, termasuk mereka berdua [Rosli dan Morshidi] telah mencetuskan konspirasi beberapa bulan lalu”.<sup>67</sup> Setelah menukilkannya, Jeniri hanya berdiam diri. Jeniri tidak mengkritik sumbernya, ibarat melahap tanpa menghadam, menelan tanpa mengunyah. Pernyataan di atas dapat dibidas dengan dua hujah.

- Pertama, Rosli bukan ahli Rukun 13 (Jeniri juga menyedari fakta ini).
- Kedua, pakatan berempat bukanlah – malah tidak wajar disamakan dengan – Rukun 13 (namun, hakikat ini tidak disedarinya); walaupun kedua-duanya nekad membunuh Gabenor, biarpun Awang Rambli, Bujang dan Morshidi merupakan ahli Rukun 13. Analogi rasionalnya begini: walaupun kucing dan beruang sama-sama mempunyai bulu, namun kedua-duanya merupakan entiti haiwan yang berbeza sekali gus tidak wajar disamakan.

Jeniri menukilkkan (berdasarkan telegram C.W. Dawson), “PPM dapat dianggap sebagai tunas daripada badan induk, Persatuan Kebangsaan Melayu Bersatu”.<sup>68</sup> Sekali lagi, Jeniri tidak bersikap kritis terhadap sumbernya. Pernyataan di atas dengan sendirinya menunjukkan Dawson tidak jelas mengenai hubungan antara PPM dan PKMS. Kedua-duanya merupakan pertubuhan berasingan, namun tidak ada koreksi daripada Jeniri. Kemudian, dilanjutkan: “PKMS dan PPM dalam surat-menyuratnya sering berselindung di sebalik kod dan istilah rahsia”. Pernyataan ini kabur dan tidak terbukti. Dawson mungkin berniat memfitnah PKMS dengan menggambarkan PKMS sama bahayanya dengan PPM. Motifnya ialah jika Dawson berjaya menerapkan perjuangan PKMS, bermakna Dawson berjaya membina jasa besar kepada kerajaan kolonial British, dan ini memungkinkan Dawson dilantik sebagai Gabenor Sarawak, seumpama menangguh di air keruh.

Selanjutnya, Jeniri menukilkkan: “Beliau [Dawson, menerusi telegram bertarikh 14 Disember, tidak dinyatakan tahun, mungkin 1949 atau 1950] yakin bahawa pada tahun-

---

<sup>64</sup> *Ibid.*, hlm. 130.

<sup>65</sup> *Utusan ASAS*, 1 Februari 1948, hlm. 4.

<sup>66</sup> United Sarawak National Association (USNA) dan Sarawak Malayan Union Singapore (SMUS). Nordi Achie, *Akhbar Melayu Perjuangan di Sarawak*, hlm. 86.

<sup>67</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 135.

<sup>68</sup> *Ibid.*, hlm. 137.

tahun terakhir, sentimen antipenyERAHAN telah semakin luntur. Sentimen rakyat semakin kendur”.<sup>69</sup> Sekarang barulah Jeniri berkomentar, “Penilaian beliau itu ternyata tidak berapa tepat”,<sup>70</sup> namun Jeniri tidak mengusulkan apa-apa hujah. Kita tidak sependapat dengan Jeniri. Penilaian Dawson benar-benar tepat kerana selepas peristiwa berdarah di Sibu, seluruh pergerakan pertubuhan antipenyERAHAN menjadi lesu dan layu akibat tindakan kekerasan dan undang-undang yang diambil oleh kerajaan kolonial British. Aneh sekali, fakta ini juga berada dalam pengetahuan Jeniri, seperti tercatat dalam bukunya.

Jeniri menukulkan (dari pernyataan Dawson), “Sebenarnya, satu-satu petanda akan berlaku kacau-bilau terletak pada cadangan ketua masyarakat Iban di Bahagian Sibu tentang kemungkinan mereka diberi kebenaran untuk ... menyerang orang Melayu di Sibu”.<sup>71</sup> Terdapat beberapa persoalan kritis di sini (tetapi Jeniri tidak membangkitkannya).

- Pertama, benarkah orang Iban berani menyerang orang Melayu di Sibu, atau ini lebih menyerupai politiking hangat-hangat tahi ayam sahaja?
- Kedua, jika mereka benar-benar berani, mereka tidak perlu meminta kebenaran Barcorft (Residen British di Sibu) terlebih dahulu.

Secara logiknya, Barcorft tidak akan meluluskan permintaan itu. Justeru, mereka sengaja meminta kebenaran ini kerana mereka sudah maklum Barcorft tidak akan meluluskannya. Malah, jika pembunuhan terhadap orang Melayu di Sibu berlaku, bukankah kejadian ini akan menyulut dendam berdarah yang tidak berkesudahan antara Melayu-Iban di Sarawak. Bak kata pepatah Melayu – apabila batang tumbang, ramailah yang meniti. Menurut Jeniri, “Sementara itu, beberapa bulan sebelum pembunuhan berlaku, seorang ahli PPM [Johari Anang] telah menulis surat kepada Awang Rambli”.<sup>72</sup> Johari Anang bukanlah ahli PPM. Johari merupakan antara pengasas, pemimpin dan pejuang PKMS. Kita tidak pasti punca kesilapan ini: adakah kesilapan ini tercatat dalam sumber asalnya atau kesilapan penaipan. Jika maklumat ini tercatat dalam sumber asal, jelas Jeniri hanya menelan bulat-bulat kesilapan tersebut, padahal Jeniri benar-benar menyedari Johari merupakan Setiausaha Agung PKMS. Buktinya – Jeniri menulis, “Dalam surat[nya] kepada Raja Muda Sarawak, antara lain Setiausaha Agung PKMS, Johari Anang”.<sup>73</sup>

## **IX SIMPLISTIK**

Bab 17: Drama di Mahkamah Sibu<sup>74</sup> – setelah membaca bab ini, kita tertanya-tanya di manakah drama tersebut? Jeniri gagal membuktikan adanya “Drama” menerusi bab ini. Jeniri juga mendakwa, “Perbicaraan terhadap mereka dijalankan secara tidak adil dan saksama” lantas apakah bukti dan hujah Jeniri? Tidak ada analisis kritis daripada Jeniri melainkan sebaris ayat, “John Pike [Penolong Pegawai Daerah Binatang] tidak mempunyai latar belakang pendidikan undang-undang”.<sup>75</sup> Dapatkan pernyataan simplistik ini memberikan keyakinan ilmiah kepada pembaca?

---

<sup>69</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 138.

<sup>70</sup> *Ibid.*, hlm. 138.

<sup>71</sup> *Ibid.*, hlm. 140.

<sup>72</sup> *Ibid.*, hlm. 143.

<sup>73</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 156.

<sup>74</sup> *Ibid.*, hlm. 171-176.

<sup>75</sup> *Ibid.*, hlm. 172.

Bab 18: 26 Saksi Disoal di Mahkamah<sup>76</sup> – disarati dengan dialog, dialog dan dialog. Dialog ini memberikan gambaran mengenai proses kemahkamahannya, namun Jeniri tidak memberikan analisis kritis mahupun rumusan argumentatif. Jika buku ini ditulis oleh penulis picisan, kita tidak berasa hairan; tetapi Jeniri dilatih sebagai sarjana, dan sebagai sarjana, tugas utama mereka ialah menggali, menggarap dan menggalas kebenaran. Tentu sekali ini bukanlah kerja mudah, malah tidak wajar dimudah-mudahkan.

Jeniri turut memetik dialog (soal balas) antara Awang Rambli dengan Profesor David Alec Cameron Mekie, kemudian bantahan Pendakwaraya, A.J. Gratten-Bellew terhadap soal balas Awang Rambli yang **hampir-hampir** berjaya memerangkap Profesor Mekie,<sup>77</sup> namun Jeniri gagal menghidu motif politik di sebalik bantahan Gratten-Bellew. Apakah motifnya? Gratten-Bellew cuba menutup kemungkinan punca kematian Stewart bukanlah akibat tikaman Rosli, tetapi akibat daripada kelemahan prosedur pembedahan yang dilakukan oleh Dr Wallace dan Profesor Mekie. Rasionalnya, hospital di Sibu memang diakui oleh Dr Wallace dan Profesor Mekie tidak mempunyai peralatan yang canggih (berbanding di Singapura).

Tambahan pula, keadaan kesihatan Stewart tetap tidak stabil walaupun pembedahan telah dilakukan di Sibu dan Singapura. Malah, sebelum Stewart dibedah di Singapura, biarpun Profesor Mekie mengiktiraf Dr Wallace mempunyai “kemahiran dan kecekapan tinggi”, namun Profesor Mekie juga mengakui Dr Wallace telah melakukan “pembedahan yang sulit”.<sup>78</sup> Justeru, tidaklah mustahil – ketika melakukan pembedahan yang sulit ini – berlaku kesilapan tertentu yang menyebabkan kematian Stewart.

Seterusnya, Jeniri memetik pendakwaan F.B.K. Drake, “A year later, Rosli, by his agreement to join the conspiracy [komplot Rukun 13], became one of the conspirators”,<sup>79</sup> namun Jeniri gagal mengesan terdapatnya politik di dalam pendakwaan ini. Hakikatnya, konspirasi Rukun 13 bukanlah konspirasi berempat (Awang Rambli-Bujang-Rosli-Morshidi). Politikingnya ialah Drake sengaja memalitkan atau mengaitkan konspirasi berempat dengan Rukun 13 agar semua anggota Rukun 13 turut dihukum. Taktik ini dikenali sebagai membunuh dua ekor burung dengan sebiji batu.

Menerusi hujah penutupnya, Gratten-Bellew menegaskan, “dia [Rukun 13] bertanggungjawab selagi dia tidak mengeluarkan dirinya daripada konspirasi ini”.<sup>80</sup> Prinsip ini sebenarnya dapat digunakan semula sebagai senjata untuk mematahkan hujah Gratten-Bellew, namun Jeniri tidak menyedari kelemahan prinsip tersebut – bahawa: ahli Rukun 13 yang tidak terlibat dengan pakatan berempat dengan sendirinya telah “mengeluarkan dirinya daripada konspirasi ini [pakatan berempat]”. Begitu juga sebaliknya – bahawa: apabila terbentuknya konspirasi pakatan berempat dengan sendirinya menafikan keterlibatan mana-mana ahli Rukun 13 yang tidak berkaitan dengan pakatan berempat.

---

<sup>76</sup> *Ibid.*, hlm. 177-186.

<sup>77</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 200.

<sup>78</sup> *Ibid.*, hlm. 200.

<sup>79</sup> *Ibid.*, hlm. 209.

<sup>80</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 214.

Gaya dan nada pengolahan Bab 14: Telegram Sulit dan Surat Rahsia<sup>81</sup> kelihatan hambar, namun paparan tiga surat Johari Anang tetap menarik perhatian pembaca kerana surat ini memperlihatkan kebijaksanaan strategik Johari dalam perjuangan antipenyerahan. Namun, Jeniri tidak melakukan analisis hermeneutik (tekstual dan kontekstual) terhadap isi kandungan tiga surat tersebut, dan perkaitannya dengan topik kajian. Sekadar memaparkan, ini merupakan perkara biasa. Jika Jeniri melakukan analisis, ini barulah dikatakan sebagai “usaha serius” dalam mencari kebenaran.

Seperti dinyatakan tadi, konspirasi Rukun 13 bukanlah konspirasi pakatan berempat berasaskan hujah-hujah pembelaan berikut:

- Melainkan Awang Rambli, Bujang Suntong dan Morshidi, semua ahli Rukun 13 tidak ketahuan mengenai pakatan berempat.
- Melainkan Awang Rambli, Bujang Suntong dan Morshidi, semua ahli Rukun 13 tidak terlibat dengan konspirasi pakatan berempat.
- Melainkan Awang Rambli, Bujang Suntong (menarik diri pada saat-saat akhir) dan Morshidi, semua ahli Rukun 13 tidak membantu Rosli membunuh Stewart.
- Mengapakah Rukun 13 tidak terfikirkan hujah pembelaan seperti ini? Harus difahami, mereka berada dalam keadaan yang sangat tertekan ketika itu, akal menjadi tumpul sekali gus tidak memungkinkan mereka untuk memikirkan hujah pembelaan secara mangkus.
- Benar bahawa Awang Rambli dan Bujang pernah mendedahkan rahsia Rukun 13 kepada Rosli, namun ini tidaklah bermakna Rukun 13 terlibat dengan konspirasi berempat. Tujuan Awang Rambli dan Bujang melakukannya ialah untuk menyakinkan Rosli bahawa dia tidaklan bersendirian, ada lagi pihak lain yang pernah memikirkan rancangan pembunuhan Gabenor. Bagaimanapun, tindakan Awang Rambli dan Bujang ini sebenarnya dilakukan tanpa pengetahuan ahli Rukun 13 yang lain, bahkan mereka juga tidak tahu Awang Rambli dan Bujang Suntong telah membocorkan rahsia Rukun 13 kepada Rosli. Justeru, mengapa pula mereka dipalitkan dengan pakatan berempat – kalau bukan kerana ada udang di sebalik batu? Dari sisi ini, mereka merupakan mangsa politik kolonialis.

Jeniri menulis, “akhirnya Majlis Privy di London mengurangkan hukuman gantung sampai mati kepada hukuman penjara terhadap tujuh orang [Rukun 13] yang terdakwa”.<sup>82</sup> Jeniri tidak memberikan reaksi kritis terhadap keputusan rayuan ini, dalam hubungannya dengan keputusan Mahkamah Tinggi di Kuching. Keputusan Majlis Privy ini merupakan koreksi terhadap kelemahan penghakiman Mahkamah Tinggi – kelemahan dari segi apa?

- Pertama, hukuman mati yang dijatuhkan kepada tujuh ahli Rukun 13 bersifat keterlaluan kerana tidak ada bukti kukuh yang dapat menyabitkan mereka dengan komplot pakatan berempat yang telah membunuh Stewart. Sungguhpun kita belum menemui naskah penghakiman Majlis Privy, namun perubahan ini tetap menunjukkan keputusan Majlis Privy lebih munasabah.
- Kedua, jika mereka benar-benar terlibat dengan pakatan berempat, dengan sendirinya Majlis Privy akan mengekalkan hukuman gantung sampai mati yang

---

<sup>81</sup> *Ibid.*, hlm. 135-147.

<sup>82</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 218.

dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi di Kuching. Jeniri hanya mencatatkan data, tetapi dia tidak mencerahkan kebenaran.

## **X PROPAGANDA DAN ETIKA**

Jeniri menyatakan, “Pentadbiran beliau [Charles Arden Clarke] yang mendahulukan rakyat menyebabkan rakyat menyenangi beliau”.<sup>83</sup> Dengan ini, Jeniri telah berperanan sebagai propagandis kolonial. Dakwaan Jeniri tidak menepati hakikat sejarahnya kerana kos hidup dan inflasi yang tinggi selepas Perang Dunia Ke-II menyebabkan rakyat hidup dalam penderitaan, lebih-lebih lagi kaum bumiputera yang sememangnya kaya dengan kemiskinan dan miskin dengan kekayaan di tanah air mereka sendiri. Aspek ini pernah disuarakan menerusi *Utusan Sarawak*.<sup>84</sup> Jika Jeniri “melahap” *Utusan Sarawak* “perenggan demi perenggan dan helai demi helai”,<sup>85</sup> kesilapan ini pasti dapat diturapi lebih awal lagi.

Benar bahawa kerajaan kolonial British telah membawa pelbagai pembangunan (politik, ekonomi dan sosial) di Sarawak, namun Jeniri tidak harus memejamkan matanya terhadap penderitaan hidup rakyat dewasa itu. Mungkin, Jeniri terkesima dengan motto BN iaitu 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan lalu mendorongnya menggunakan frasa “mendahulukan rakyat”. Frasa ini berbau *apolotikal* dan anakronistik (berada di luar zon zaman).

Tidak cukup setakat itu, bahkan Jeniri menyanjungi Stewart, “Doktor mencuba sedaya upaya dan enggan berputus asa dalam menyelamatkan nyawa seorang pemimpin berjiwa rakyat”.<sup>86</sup> Duncan Stewart baru saja menjadi Gabenor beberapa minggu – sumbangan besarnya pun belum ada – namun Jeniri sudah pun menobatkan Stewart sebagai “pemimpin berjiwa rakyat”. Memang keterlaluan.

Jeniri menulis, “Akhirnya, Rosli disumbat ke dalam penjara sementara menunggu hukuman gantung dijatuhkan terhadap beliau”.<sup>87</sup> Perkataan “disumbat” tidaklah sewajarnya digunakan terhadap Rosli kerana Rosli (dan rakan-rakannya) merupakan patriot (dalam konteks sejarah Malaysia). Perkataan “disumbat” hanya sesuai digunakan terhadap penderhaka atau pengkhianat negara. Perkataan yang kurang sopan ini terus diulangi Jeniri pada halaman berikutnya, “Mat Rimau yang turut disumbat ke penjara itu”.<sup>88</sup>

## **KESIMPULAN**

Meskipun karya Jeniri mempunyai banyak maklumat baharu, namun tidak ada gunanya maklumat baharu sekiranya tidak ada tafsiran baharu (menerusi analisis kritis). Jeniri hanya menukil, dia tidak mencungkil. Dia hanya menggarap, tetapi tidak menggilap.

---

<sup>83</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 63.

<sup>84</sup> Nordi Achie, “Kemunduran Ekonomi Bumiputera di Bawah Pemerintahan Kolonial British 1946-1950”, *Purba*, Bil. 20-2001, hlm. 49-85 dan “Kemunduran Pendidikan Masyarakat Melayu di Sarawak Pada Awal Pemerintahan Kolonial British 1946-1950”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 29-2001, hlm. 8-30.

<sup>85</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 5.

<sup>86</sup> Jeniri Amir, *Rosli Dhoby*, hlm. 117.

<sup>87</sup> *Ibid.*, hlm. 219.

<sup>88</sup> *Ibid.*, hlm. 238.

Sejujurnya, peranan Jeniri sebagai sarjana kurang menyerlah, meskipun dia merangkul banyak anugerah. Jeniri hanya membataskan dirinya sebagai tukang petik dan tukang cerita sahaja. Walaupun Jeniri merupakan penulis berpengalaman, namun sikap berhati-hati (kewaspadaan) lebih penting lagi. Jika Jeniri bersikap kritis terhadap sumbernya, dia akan dapat menurap beberapa kelemahan yang bertimpuh dalam bukunya. Jeniri ternampak ikan-ikan yang berenang di permukaan air, namun dia tidak dapat melihat ikan-ikan yang berenang di dasar air. Natiyahnya, terzahir hakikat tersurat, tercicir hakikat tersirat.

Benar bahawa, tidak ada insan sempurna di muka bumi, namun ini bukanlah dalih untuk mengabaikan kualiti pengkaryaan – kaya dengan katarsis, pudar dengan analisis. Lantaran itu, kita percaya lebih banyak kelemahan bukunya dapat dikimpali, jika Jeniri lebih teliti dan tekun dalam menyaring manuskripnya, dan tidak menerbitkan hasil kajiannya dengan tergesa-gesa, seakan-akan dia terkejar-kejar dengan sesuatu. Orang yang egoistik dengan pengalamannya (*perhatian*: pernyataan ini bukan ditujukan kepada Jeniri), dia akan terperangkap dalam kawah penyesalan. Betapa pun banyaknya karya seseorang penulis, ini bukanlah ukuran mutlak terhadap kualiti kesarjanaannya. Kualiti kerja mencerminkan kualiti keperibadian. Satu-satunya manhaj penambahbaikan ialah dengan membuat koreksi terhadap karya kita sendiri – hisablah karyamu, sebelum karyamu dihisab.